



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JULAI 2017 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|--|----|
| - Rumah Terbuka Eidul Fitri Selangor meriah | 37 |
| - Tempoh bayaran tunggakan dilanjut | 39 |
| - Penduduk lega taman permainan dinaik taraf | 39 |

Utusan Malaysia

- | | |
|------------------|----|
| - Talian Khidmat | 26 |
|------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
04 JULAI 2017 (SELASA)

| | |
|--------------|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Rumah Terbuka Eidul Fitri Selangor meriah |
| Muka Surat | 37 |



Pengunjung tidak melepaskan peluang berswafoto bersama Mohamed Azmin.



Masyarakat Cina turut bersama meraikan rumah terbuka itu.

Rumah Terbuka Eidul Fitri Selangor meriah

SH
 4/7/2017
 m/s 37

Mohamed Azmin menyampaikan duit raya kepada seorang tetamu OKU.

PANDAN INDAH - Lebih 40,000 pengunjung hadir memeriahkan suasana sambutan Rumah Terbuka Eidul Fitri Peringkat Negeri Selangor di Padang Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), di sini, kelmarin.

Pelbagai lapisan masyarakat tidak kira agama, bangsa dan keturunan hadir bagi merasai kemeriahan hari lebaran itu

bersama kepimpinan negeri Selangor.

Lebih bermakna lagi, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin berkenaan berangkat memeriahkan sambutan rumah terbuka itu.

Pimpinan negeri yang diketuai Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed

Azmin Ali, barisan exco dan wakil rakyat turut bersama meraikan tetamu.

MPAJ diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah dan penganjur bagi sambutan rumah terbuka peringkat negeri tahun ini.

Pelbagai juadah enak dan menarik dihidangkan kepada tetamu yang hadir.



Sultan Sharafuddin dan Tengku Permaisuri Norashikin bersalaman dengan rakyat Selangor.



Kanak-kanak daripada pelbagai kaum seronok menerima duit raya.



Kehadiran badut mencerikan tetamu cilik.



Sebahagian daripada 40,000 tetamu yang hadir pada sambutan rumah terbuka berkenaan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR 04 JULAI 2017 (SELASA) | |
|--|-----------------------------------|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Tempoh bayaran tunggakan dilanjut |
| Muka Surat | 39 |

Tempoh bayaran tunggakan dilanjut

STH mis 39
4/7/2017

MPAJ beri peluang orang ramai bayar kompaun sebelum 31 Ogos

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) melanjutkan Kempen Pengurangan Kompaun Tempat Letak Kereta sehingga Ogos ini.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, pemilik kenderaan yang mempunyai tunggakan kompaun perlu menjelaskannya sebelum 31 Ogos ini.

"Lanjutan kempen ini adalah sempena sambutan penubuhan 25 tahun MPAJ selain juga bertujuan memberi peluang kepada pemilik kenderaan yang mempunyai kompaun menyelesaikannya segera," katanya.

Menurutnya, sebelum ini pihaknya mendapati sebanyak 1,700 pemilik kereta mempunyai tunggakan



ABD HAMID

melebihi 50 kompaun bagi setiap kenderaan yang keseluruhannya berjumlah RM8.5 juta.

INFO

- 1,700 pemilik kereta ada lebih 50 kompaun
- Diskaun RM30 untuk kompaun tertunggak

"Pengurangan RM30 diberikan kepada kompaun tertunggak, manakala RM10 bagi kompaun yang kurang daripada 14 hari dari tarikh dikeluarkan.

"Pemilik kenderaan digesa menyelesaikan kompaun dalam tempoh kempen sebelum tindakan lanjut diambil seperti operasi tunda dan kunci tayar kenderaan dengan kompaun tertunggak," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR 04 JULAI 2017 (SELASA) | |
|--|--|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Penduduk lega taman permainan dinaik taraf |
| Muka Surat | 39 |

SH 4/7/2017
m/s 39

Penduduk lega taman permainan dinaik taraf



Peralatan permainan turut ditambah untuk pengunjung.

PANDAN MEWAH - Penduduk di Taman Pandan Mewah, di sini kini boleh menarik nafas lega selepas Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menaik taraf taman permainan di Taman Pandan Mewah, di sini.

Pengerusi Penyelaras Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Zon Pandan, Abd Haffidz Md Noor berkata, KRT Pandan Mewah menyatakan hasrat penduduk itu sejak lima tahun lalu bagi membolehkan aktiviti riadah dilakukan.

"Peralatan permainan di kawasan itu yang rosak turut diganti baru, malah MPAJ turut menyediakan trek jogging yang lebih baik.

"Pihak berkuasa tempatan itu turut menambah peralatan permainan kanak-kanak serta membina kemudahan pondok rehat dan kerusi batu, ia memberi keselesaan dan keselamatan kepada pengunjung," katanya.

Abd Haffidz yang juga Pengerusi KRT Pandan Mewah berkata, pihaknya bersyukur



ABD HAFIDZ

akhirnya projek menaik taraf kawasan riadah itu siap sebelum Syawal.

"Penduduk menghargai usaha serta keprihatinan MPAJ dalam mengatasi isu yang dibangkitkan komuniti.

"Persefahaman serta hubungan baik antara pihak berkuasa tempatan dengan masyarakat boleh membantu harta milik awam dijaga daripada menjadi mangsa salah guna dan vandalisme," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR 04 JULAI 2017 (SELASA) | |
|--|-----------------|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | Talian Khidmat |
| Muka Surat | 26 |

4m 4/7/2017 n/s 26

| TALIAN KHIDMAT | | | |
|---|--|---|--|
| SENARAI BALAI POLIS • Petaling Jaya • Bukit Aman • Damansara Utama • Dang Wangi • Shah Alam • Cheras • Sungai Buloh | 03-79662222 03-22662222 03-77222222 03-20702222 03-55202222 03-92842222 03-61561222 | • Majlis Perbandaran Klang • Majlis Perbandaran Ampang Jaya • Majlis Perbandaran Sepang • Majlis Daerah Kuala Selangor • Majlis Daerah Sabak Bernam • Majlis Daerah Hulu Selangor • Majlis Daerah Kuala Langat | 03-33755555 03-42968000 03-83190200 03-32891439 03-32241655 03-60641331 03-31872825 |
| LEMBAH KLANG • Dewan Bandaraya Kuala Lumpur • Majlis Bandaraya Shah Alam • Majlis Bandaraya Petaling Jaya • Majlis Perbandaran Subang Jaya • Majlis Perbandaran Kajang • Majlis Perbandaran Selangor | 03-40244424 03-55105133 03-79563544 03-80263102 03-87370112 03-61265800 | NEGERI SEMBILAN • Majlis Perbandaran Seremban • Majlis Perbandaran Nilai • Majlis Perbandaran Port Dickson • Majlis Daerah Kuala Pilah • Majlis Daerah Jelebu • Majlis Daerah Jempol • Majlis Daerah Tampin | 06-7667500 06-7989000 06-6471335 06-4812075 06-6136991 06-4581233 06-4411609 |
| | | • Majlis Daerah Rembau | 06-6851144 |
| | | MELAKA • Melaka 1 Number Call Centre • Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah • Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya • Majlis Perbandaran Alor Gajah • Majlis Perbandaran Jasin • Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka • Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Alor Gajah • Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jasin • Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah • Hospital Melaka • Hospital Alor Gajah • Hospital Jasin | 06-3333333 06-2859700 06-2323773 06-5563127 06-5291245 06-2854222 06-5562222 06-5292222 06-2842222 06-2892344 06-5565333 06-5294262 |